

UJIAN DIAGNOSTIK 2 2020

5226/2

TASAWWUR ISLAM

Kertas 2

Sept/Okt

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **tujuh** soalan.*
2. **Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.
3. *Kesemuanya **lima** soalan yang mesti dijawab.*

Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) (i) Nyatakan maksud Rububiyah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** konsep Rububiyah. [4 markah]
- (b) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan memulihara alam? [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** langkah yang patut diambil bagi memulihara alam ini. [4 markah]
- (c) Akal merupakan satu alat daripada hakikat kemanusiaan. Jelaskan **dua** ciri akal. [4 markah]
- (d)

Fahaman antihadis ialah fahaman yang menolak hadis. Fahaman ini telah tersebar di seluruh dunia. Fahaman ini bertentangan sama sekali dengan kesucian agama Islam.
--
- Huraikan kesan fahaman antihadis terhadap masyarakat. [4 markah]
- 2 (a) Rabbaniyyah membawa maksud ketuhanan.
- (i) Terangkan **dua** prinsip Rabbaniyyah. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** cara untuk memperoleh sifat Rabbaniyyah dalam diri kita. [4 markah]
- (b) Konsep Syumuliyah merupakan perkara penting yang perlu diketahui untuk memahami hakikat sebenar agama Islam. Huraikan **dua** bentuk kesyumulan Islam dalam perhubungan sesama manusia. [4 markah]
- (c)

Setiap Muslim wajib menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran.
--
- Mengapakah kewajipan tersebut tidak boleh diabaikan? [4 markah]
- (d) Thabat merupakan suatu sifat Islam yang ditetapkan untuk menjamin kesinambungan ajaran Islam.
- (i) Apakah maksud thabat? [2 markah]
- (ii) Jelaskan perkara thabat dalam akidah Islam. [2 markah]

- 3 (a) Piagam Madinah merupakan perlembagaan bertulis yang tertua sekali di dunia.
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan Piagam Madinah? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sebab perlembagaan tersebut dibentuk. [4 markah]
- (b) Khalifah ialah pengganti nabi dalam urusan menegakkan agama dan mentadbir urusan dunia.
- (i) Senaraikan **dua** ciri yang perlu ada pada seorang khalifah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** implikasi pengabaian tugas khalifah. [4 markah]

- (c) Seorang tertuduh telah disabit kesalahan meminum arak dan telah dijatuhkan hukuman.

Sebagai seorang hakim, apakah nasihat anda kepada pesalah tersebut?

[4 markah]

- (d) Perpaduan masyarakat merupakan faktor penting untuk kemajuan dan kekuatan umat Islam.
Terangkan **dua** aktiviti yang sesuai dengan ajaran Islam untuk mewujudkan perpaduan di sekolah. [4 markah]
- 4 (a) Harta adalah amanah Allah SWT yang mesti diuruskan dengan sempurna.
- (i) Apakah maksud harta? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** bahagian harta beserta contohnya. [4 markah]
- (b) Hak milik dalam Islam terbahagi kepada tiga.
- (i) Senaraikan **dua** daripadanya. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** cara pemilikan harta oleh individu. [4 markah]
- (c) Pemilik harta yang enggan membayar zakat adalah menyalahi peraturan hak milik harta dalam Islam.
Mengapakah terdapat segolongan umat Islam yang masih enggan membayar zakat? [4 markah]
- (d) Muamalah Islam dapat mewujudkan masyarakat yang aman dan sejahtera.
Terangkan **dua** etika muamalah Islam. [4 markah]

- 5 (a) Perundangan Islam adalah hukum-hukum Allah SWT yang wajib dilaksanakan untuk menjamin kehidupan yang cemerlang.
- (i) Nyatakan pengertian perundangan Islam. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** sumber perundangan Islam. [4 markah]
- (b) Islam melarang manusia daripada melakukan perbuatan yang haram.
- (i) Nyatakan **dua** contoh perkara yang haram dilakukan dalam Islam. [2 markah]
- (ii) Mengapakah Islam melarang umatnya daripada melakukan perbuatan yang haram? [4 markah]
- (c) Islam mementingkan kualiti dan kecemerlangan dalam ibadat. Huraikan **dua** cara untuk meningkatkan kualiti dalam beribadat. [4 markah]
- (d) Terangkan perbezaan antara hukum jenayah Islam dengan hukum jenayah ciptaan manusia. [4 markah]
- 6 (a) Berdoa kepada Allah SWT merupakan senjata utama yang dimiliki oleh umat Islam apabila menghadapi masalah dalam hidup.
- (i) Jelaskan **dua** adab berdoa supaya dimakbulkan oleh Allah SWT. [4 markah]
- (ii) Huraikan **tiga** kebaikan berdoa kepada seseorang Islam. [6 markah]
- (b) Seseorang yang berada dalam kemiskinan boleh menyebabkan berlakunya masalah gangguan pemikiran sehingga mendorong menjadi kufur kepada Allah SWT.
Terangkan **tiga** akibat kemiskinan selain daripada terganggu fikiran. [6 markah]
- (c) Kejahilan adalah salah satu faktor yang boleh membawa kepada kemunduran umat Islam.

Apakah sumbangan yang dapat anda lakukan untuk membasmi kejahilan dalam masyarakat? [4 markah]

- 7 (a) Islam menuntut umatnya mencari harta untuk memenuhi keperluannya disamping menjadikannya sebagai ibadat.
- (i) Jelaskan **dua** syarat mencari harta supaya diterima menjadi ibadat. [4 markah]
- (ii) Terangkan **tiga** bentuk ujian Allah SWT terhadap manusia yang memiliki banyak harta. [6 markah]
- (b) Sistem perbankan Islam yang diamalkan oleh institusi kewangan di Malaysia menawarkan beberapa aktiviti muamalah secara Islam.
- (i) Senaraikan **enam** contoh aktiviti muamalah Islam yang diamalkan oleh institusi kewangan tersebut. [6 markah]
- (ii) Bincangkan bagaimana aktiviti muamalah tersebut dapat mewujudkan kerjasama dalam masyarakat? [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT